

Sasar anugerah nobel - PM

UM - 12/9/2020 ml: 3

Oleh HADI AB. MANAP

hadi.manap@mediamulia.com.my

KOTA KINABALU: Tan Sri Muhyiddin Yassin melontarkan cabaran kepada setiap institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini untuk bersaing menganjurkan aktiviti-aktiviti yang boleh menghasilkan *nobel laureate* (pemenang hadiah nobel).

Perdana Menteri berkata, pensyarah dan profesor harus bersedia menjadi pakar dalam bidang masing-masing dan menjadi tersohor kepada universiti, negara dan masyarakat.

Beliau berkata, kekurangan pakar yang ingin mempamerkan diri menyebabkan negara masih belum mampu mengeluarkan *nobel laureate*.

“Sahutlah cabaran saya agar IPT mulai bersaing menganjurkan aktiviti-aktiviti yang boleh menghasilkan *nobel laureate* yang boleh menjadi kebanggaan negara dan dunia.

“Dalam hal ini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) perlu bersama-sama dengan semua IPT untuk melihat semula pelan-pelan yang telah dibangunkan sebelum ini untuk diperkasa dan diperkukuhkan bagi menghasilkan cendekiawan yang boleh diiktiraf sebagai seorang *nobel laureate*,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Perjumpaan Warga IPT Sabah dan Penyam-



MUHYIDDIN Yassin beramah mesra dengan penduduk ketika Program Ramah Mesra, di PPR Seri Keramat Putatan, Kota Kinabalu, semalam. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

paian Tawaran Dermasiswa My Brighter Future (MyBF) Yayasan Tenaga Nasional (TNB) di Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini semalam.

Turut hadir Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Noraini Ahmad; Menteri Kanan (Perdagangan Antarabangsa Dan Industri), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Pengerusi TNB, Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Seramai 2,500 pelajar baharu di peringkat sijil, diploma dan ijazah sarjana muda di uni-

versitia awam, politeknik dan kolej komuniti di Sabah telah berjaya menerima tawaran MyBF bagi tahun 2020.

Perdana Menteri menambah, universiti tidak lagi boleh dianggap sebagai ‘menara gading’ yang membawa maksud eksklusif, megah dan terasing daripada masyarakat.

Muhyiddin berkata, sebaliknya ia harus menjadi salah satu daripada komponen ekosistem masyarakat yang terbaik serta memberi pengukuhan

kepada masyarakat setempat, negara bahkan dunia.

Beliau menjelaskan, walaupun pada prinsipnya, ahli akademik wajib menjalankan penyelidikan untuk meneroka ufuk ilmu dan membina kepakaran, namun masih banyak ruang dalam penyelidikan yang boleh dikembangkan untuk manfaat masyarakat.

“Ahli akademik perlu mengubah pemikiran dari ‘ilmu untuk ilmu’ kepada ‘ilmu untuk masyarakat dan negara,’” katanya.